

Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG)

Oral interaction techniques in teaching Malay Languange courses in Teacher Education Institute

Zarien Nurleyana Aminuddin
eizlieyana@gmail.com

Jabatan Pendidikan Bahasa Dan Kemanusiaan,
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

Azhar Md. Sabil
azhar.sabil@upm.edu.my

Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

Abdul Rasid Jamian
rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.2.2020>

Received: 21 January 2020; Accepted: 19 October 2020; Published: 20 October 2020

Cite this article (APA): Aminuddin, Z. N. L., Md. Sabil, A., & Jamian, A. R. (2020). Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 18-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.2.2020>

ABSTRAK

Interaksi lisan merupakan medium penting dalam penyampaian ilmu pengajaran. Terdapat beberapa cara pengajar yang boleh membentuk interaksi yang efektif di dalam bilik kuliah. Tumpuan pengajaran bukan sekadar memberi maklumat pengajaran dan pembelajaran (PdP) malah perlu disertai dengan aktiviti yang menggalakkan interaksi dua hala di antara pengajar dengan pelajar sewaktuberkomunikasi. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus bahasa Melayu dalam kalangan pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG). Teknik interaksi lisan bukan sekadar penyampaian maklumat pengajaran namun ia turut mempengaruhi pelajar dalam pencapaian pelajar. Metodologi kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif secara temu bual tidak berstruktur terhadap informan kajian yang dipilih secara bertujuan. Pengkaji memilih kajian kes iaitu satu kes pelbagai tempat amat sesuai dijalankan terhadap empat orang pensyarah Kursus Bahasa Melayu IPG. Pengkaji memilih hanya dua buah IPG di Malaysia dan dua orang informan kajian yang terpilih bagi setiap IPG telah memadai bagi mendapatkan ketepuan data kajian. Informan kajian yang ditemu bual yang terdiri daripada pensyarah kursus bahasa Melayu di IPG dalam bidang Pengajian Melayu dan Kesasteraan Melayu. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah lazimnya menggunakan kaedah penyampaian lisan sebagai medium menyampaikan ilmu pengetahuan dan isi kandungan topik pengajaran. Terdapat sembilan teknik penyampaian lisan yang sering kali dilaksanakan oleh pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah. Oleh itu, interaksi lisan pensyarah dapat menggalakkan pelajar membina pengetahuan, kemahiran dan pembinaan maklumat yang berasaskan kepada pemikiran pelajar.

Kata Kunci: Pengajaran Bahasa Melayu, Teknik Interaksi Lisan, Kaedah, Aktiviti, Pendekatan, Penyampaian lisan

ABSTRACT

Oral interaction is an important medium in the delivery of teaching knowledge. There are several ways teachers can develop effective interactions in the classroom. The focus of the lesson is not only on teaching and learning but also on activities that encourage bilateral interaction between teachers and students when communicating. This paper aims to discuss the verbal interaction techniques in teaching Malay language among the lecturers at the Institute of Teacher Education. Oral interaction techniques are not just the delivery of teaching information but they also influence students' achievement. The methodology of this study uses qualitative research interview informant. There are four informants studies lecturer of the Malay language in the institute. The findings of this study indicate that lecturers are usually oral medium conveying knowledge of teaching topics. Thus, the lecturer's oral interaction can encourage students to build knowledge, skills and information construction based on students' thinking

Keyword : Teaching Malay Languange, Interaction Techniques, Methods, Activities, Approach, Oral Delivery

PENGENALAN

Interaksi lisan merupakan satu proses yang melibatkan penyaluran dan pertukaran maklumat melalui pertuturan antara penutur dan pendengar (Ghazali Lateh & Shamsuddin Othman, 2013). Aspek interaksi lisan bukan sahaja penyampaian maklumat pengajaran namun ia dapat membina dan mengekalkan hubungan, mempengaruhi dan bertanyakan soalan, memberi maklumat dan menganalisis dalam pengajaran (Roselan Baki 2003).

Terdapat pandangan mengenai interaksi lisan yang berkesan harus dikuasai dalam budaya berbahasa ialah budaya menyapa, mengucapkan selamat, mengucapkan terima kasih, menolak pelawaan, memberi atau membala puji dan sebagainya (Awang Sariyan 2007:54). Proses interaksi sosial mempengaruhi interaksi lisan pelajar. Menurut Arbak Othman (1985-2), dalam suntingan Mohd Rashid Md Idris (2011) menyatakan bahawa pengajaran bahasa merupakan sesuatu perhubungan antara guru dengan murid yang mengarah dalam bahasa Melayu agar matlamat pengajaran yang dirancang tercapai. Interaksi lisan di peringkat sekolah sentiasa berlaku antara guru dengan pelajar yang dapat mempengaruhi interaksi sosial. Komunikasi lisan turut menjadi pengukur tahap keupayaan dan kebolehan seseorang pelajar berkomunikasi dengan baik atau sebaliknya. (M.Mojibur, 2010, Zamri Mahamod, Nor Razah Lim, 2011). Komunikasi bukannya sesuatu yang mudah berlaku malah kemahiran berbahasa penting bagi pengajaran dilaksanakan oleh guru semasa berinteraksi dengan muridnya (Ting Leng Seong 2013). Alat perhubungan melalui bahasa pasti ada pengaruhi yang mempengaruhi dalam perbualan atau percakapan (Asmah Hj. Omar 2008). Bahasa dikenali sebagai alat komunikasi yang digunakan dalam sehari-hari dan menjadi alat perhubungan terpenting bagi setiap manusia. Medium bahasa ini mungkin sahaja dalam bentuk lisan atau tulisan (Mohd Asri Harun, Zulkifly Hamid & Kartini Abd Wahab 2016).

PENYATAAN MASALAH

Pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi atau institusi pendidikan guru banyak melibatkan komunikasi di dalam kuliah atau amali. Hal ini demikian kerana, seorang pensyarah di IPG dan guru di sekolah menjadikan komunikasi atau interaksi sebagai medium bahan pengajaran yang penting dalam pengajaran. Komunikasi seorang guru atau pendidik sebagai sumber yang utama dalam penyampaian maklumat isi pengajaran dalam kelas (Menurut Khairuddin et.al (2014), komunikasi seorang guru merupakan suatu proses interaksi seseorang berkongsi ataupun bertukar-tukar fikiran, idea maklumat dan perasaan dengan orang lain.

Selain itu, masalah kemahiran pendidik perlu diperhatikan bagi penamaian dan keperluan menghasilkan pensyarah cemerlang. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam banyak melibatkan komunikasi dan pensyarah merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Kemahiran komunikasi dalam kalangan pendidik telah dikenal pasti oleh Nor Shafrin Ahmad et al. (2009). Beliau mendedahkan bahawa terdapat kelemahan

pendidik dalam menguasai komunikasi lisan dan bukan lisan secara efektif. Kajian beliau terhadap guru pelatih yang masih mengalami kesukaran menjelaskan sesuatu sebutan dengan betul, kelancaran dalam menyampaikan pengajaran, juga terbatas dengan penggunaan buku teks serta tidak terkecuali masalah intonasi, suara yang senada, dan tidak menarik. (Ahmad Firdaus Nor et al 2014, Noor Shafrin et.al 2009)

Pengajaran bahasa dibahagikan kepada empat kemahiran utama, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Salah satu kepentingan kemahiran bahasa adalah kemahiran bertutur yang menjadi penanda aras bagi penguasaan sesuatu bahasa (Zawawi Ismail et.al 2011). Pelaksanaan proses pengajaran turut bergantung kepada interaksi lisan. Hal ini kerana interaksi lisan menjadi medium yang penting untuk menyampaikan maklumat, memberi arahan dan penjelasan, bimbingan dan penilaian terhadap sesuatu pengajaran (Roselan Baki 2003). Lazimnya, interaksi lisan dalam pengajaran antara pengajar dan pelajar sentiasa berlaku interaksi dua hala. Interaksi lisan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan secara satu arah sahaja didapati mengandungi kekurangan-kekurangan seperti berlaku salah faham maklumat yang disampaikan, tidak berlangsung sesi soal jawab yang berkesan, dan peluang pelajar akan tersekat (Abdul Rasid,et.al 2014). Kajian beliau terhadap guru mendapati bahawa amalan penggunaan teknik, kaedah, pendekatan dan strategi interaksi lisan yang digunakan oleh guru sebagai pendidik dalam pengajaran Bahasa Melayu keseluruhannya menunjukkan berada pada tahap sederhana. Manakala Salleh (2016) pula menjelaskan bahawa setiap pensyarah mempunyai ciri dan kaedah pengajaran yang berbeza-beza. Perbezaan kaedah pengajaran ini mewujudkan perbezaan persepsi dalam kalangan pelajar terhadap keutamaan ciri dan pengajaran pensyarah yang dianggap sebagai baik dan berkesan.

Bagi menghasilkan guru yang profesional dan berkualiti, sudah tentu aspek pendidikan dan kualiti latihan guru di Intitut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) perlu diberi perhatian (Abu Hassan, 2008a; Kennedy, 2013; Mohd Nor, Mahamod, & Badusah, 2011; Othman, Mahamod, & Ibrahim, 2006). Peranan pengajaran di IPG memainkan peranan penting bukan sahaja mendidik malahan mengembangkan potensi dalam menguasai ilmu dan menjadikan pelajar sebagai insan mulia modal insan negara (Idris dan Hamzah , 2012). Kajian berkaitan interaksi lisan dalam IPG masih kurang kajian yang dijalankan terhadap interaksi dalam pengajaran di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Kajian Mohd Nasri Abdullah(2017), mengkaji aspek kompetensi pensyarah di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Ahmad Firdaus Nor et.al (2014) & Nor Shafrin (2009) juga mengkaji interaksi yang terbatas dalam kalangan pensyarah di IPG dalam penyampaian kandungan dan pelaksanaan aktiviti pengajaran. Kajian Tan Mey Guat (2013) pula, mengkaji aspek komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar IPG Praktikum

Sewajarnya, pengajaran berkesan dijelaskan sebagai satu pengajaran yang berupaya mencapai hasil pembelajaran atau objektif yang telah dirancang atau setidak-tidaknya dapat memberikan kefaharnan kepada pelajar. Terdapat beberapa ciri pengajaran dan penyampaian guru berkesan seperti kejelasan dan ketepatan bahasa, penyoalan, rangsangan, galakan, penglibatan, maklum balas, rumusan, dan penilaian (Mohammad Suhaimi Taat, 2012). Sebagai pendidik juga perlu mempunyai pendekatan pengajaran yang berkesan dengan memilih bahan pengajaran yang sesuai, melaksanakan arahan bersistematis dan mengawal pemahaman pelajar (Khine 2004). Namun keupayaan seorang guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada pemilihan strategi guru (Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman 2013). Kemampuan pengajar dalam memilih bentuk komunikatif dan strategi pengajaran juga merupakan aspek dalam mempengaruhi interaksi lisan dalam pengajaran. Dalam konteks pengajaran, interaksi lisan mempengaruhi kemampuan berbahasa dalam aspek kognitif juga (Ghazali Lateh & Shamsuddin Othman 2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- i. Meneroka pendekatan pengajaran dalam amalan interaksi lisan yang digunakan oleh pensyarah semasa berinteraksi lisan dalam kuliah

- ii. Menghurai teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi.

KAJIAN LITERATUR

Interaksi Lisan

Interaksi lisan amat penting dalam menjamin kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran seorang pensyarah. Interaksi dan komunikasi adalah aspek yang menyempurnakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Ragbir Kaur J. S, 2013). Jelasnya, jika tiada interaksi, guru-guru atau pendidik tidak boleh memberi pengetahuan dan maklumat yang sempurna serta pembelajaran yang efektif tidak akan berlaku. Terdapat beberapa penyelidikan telah dibuat semenjak awal tahun 1950an dan berfokus kepada aspek interaksi guru dengan murid. Interaksi berlaku akibat daripada perhubungan aktif antara dua atau lebih orang supaya dapat pelbagai persepsi mengenai orang yang dihubungi dengan menghasilkan reaksi tertentu (Bales, 1950, dalam Ragbir 2013) Antara lain, interaksi lisan bukan sahaja penyampaian maklumat pengajaran namun ia dapat membina dan mengekalkan hubungan, mempengaruhi dan memujuk, menceritakan sesuatu, bertanyakan soalan, memberi maklumat dan menganalisis (Roselan Baki 2003). Komunikasi yang efektif bukan sahaja dapat membantu kita menyelesaikan masalah tetapi juga membantu dalam memperbaiki perhubungan. Pakar dalam bidang komunikasi percaya bahawa komunikasi yang lemah punca kepada kebanyakan masalah dan komunikasi yang efektif adalah penyelesaian kepada kebanyakan masalah (Pearson, 2000).

Menurut Bowring-Carr dan West-Burnham (2007) menjelaskan bahawa makna sesuatu ilmu pada terasnya ialah ilmu itu dicipta daripada interaksi antara guru dan murid. Selain itu, menurut Flanders (1970) dalam Ting (2013) menyatakan bahawa dalam kajiannya komunikasi antara guru dengan murid dapat menghidupkan pengajaran dan pembelajaran. Menurut beliau lagi, interaksi dalam bilik darjah merupakan satu sistem interaksi dan sesuatu proses yang mempengaruhi pelajar dengan menyampaikan ilmu, memberi arahan dan mengkritik. Selain itu, pengaruh utama dalam mewujudkan keberkesanan pembelajaran bermula sejak awal iaitu dari peringkat sekolah rendah (Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman ,2013). Fokusnya, keberkesanan murid dalam memahami dan menerima pengetahuan amat berbeza. Impak yang lebih besar dan penting ini mampu menterjemahkan betapa pentingnya kemahiran lisan kepada murid sedari awal lagi (Abd Rasid Jamian & Shamsuddin Othman 2013).

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terutama Bahasa Melayu pensyarah perlu melalui beberapa konsep asas iaitu pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan strategi. Pemahaman konsep ini dapat membantu seorang guru memilih kaedah dan teknik pengajaran serta membentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang paling sesuai. (Juriah Long, 2010). Pendekatan ditakrifkan sebagai prinsip atau pegangan teori bahasa yang menjadi panduan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kaedah pula ditakrifkan sebagai prosedur pengajaran yang dibentuk berdasarkan teori bahasa. Teknik pula bermaksud tatacara pengajaran yang disarankan oleh sesuatu kaedah. Strategi pengajaran bermaksud prosedur pengajaran yang dipilih oleh guru bagi menyampaikan isi pengajaran yang sesuaikan dengan kebolehan pelajar bagi mencapai objektif sesuatu pengajaran. Sementara itu, aktiviti pengajaran pula merupakan gerak kerja atau tugas yang dirancang untuk melaksanakan oleh guru dan murid sesuatu pelajaran bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (Juriah Long 2010).

Teknik Interaksi Lisan dalam Pengajaran

Terdapat sembilan prinsip teknik interaksi lisan dalam pengajaran yang diperkenalkan oleh Roselan (2003) dalam pengajaran. Pelbagai teknik interaksi lisan yang boleh digunakan oleh pensyarah di dalam kuliah seperti berikut:

- i. Interaksi penerangan
- ii. Interaksi penyoalan
- iii. Interaksi kawalan
- iv. Interaksi arahan
- v. Interaksi kawalan
- vi. Pencungkilan atau pengembangan idea
- vii. Penggiliran
- viii. Penggulungan
- ix. Perbincangan
- x. Penilaian

Teknik interaksi lisan penerangan merupakan bentuk yang paling dominan kewujudan dalam proses pengajaran. Pendidik menggunakan interaksi lisan bentuk penerangan dengan meluas pada peringkat pengenalan, pengajaran dan penutup pengajaran. Hal ini demikian kerana penerangan sentiasa dilaksanakan dengan mencakup aktiviti yang dijalankan. Selain itu, beberapa kaedah penyampaian yang terdiri daripada bentuk sapaan, menerangkan apa yang diketahui isu semasa, implikasi dan kepentingan. Menurut Roselan Baki (2003), penerangan yang terbahagi kepada tiga fasa iaitu analisis tajuk, penerangan isi kandungan pengajaran dan perbincangan tentang pengajaran. Hal ini demikian kerana, langkah ini pensyarah jelas menerangkan dengan topik pengajaran berkenaan.

Selain itu, penggunaan soalan merupakan salah satu cara guru menyampaikan kandungan pelajaran kepada para pelajarnya. Soalan-soalan yang dikemukakan berpotensi untuk membantu pelajar untuk mencapai keupayaan kognitif optimum. Pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan sedia ada dan membandingkan maklumat yang diperoleh dan kemudian menggunakanannya untuk penyelesaian masalah. Pelajar bertindak secara aktif dan bukannya bertindak secara pasif dalam proses pembelajaran mereka (Zamri Mahamod & Nor Razah Lim 2011). Melalui penyoalan, guru akan mendapat maklum balas daripada pelajar secara terus. (Noraini Idris,2009). Penyoalan lisan, guru perlu dirancang dengan baik agar dapat menepati penggunaan soalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru boleh menggunakan soalan untuk mencabar pemikiran pelajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dan minat pelajar pada awal pengajaran hingga membawa kepada menjawab soalan guru yang dikemukakan secara bertulis (M. Mojibur 2010). Interaksi kawalan pula bertujuan untuk memberikan perhatian, tidak berbual-bual atau bergurau-gurau ketika proses pengajaran dan pembelajaran hingga akhir pengajaran. Keadaan ini dilakukan agar lebih baik kerana leteran atau nasihat bertujuan menyedarkan pelajar agar bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, leteran juga memberi kesan yang tidak baik, namun pensyarah boleh mengawal dengan nada sederhana dan mengawal diri. Interaksi arahan paling kurang digunakan dalam proses pengajaran dengan menggerakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancangkan seperti perbincangan berkumpulan atau berpasangan. Interaksi arahan ini dilakukan apabila mempunyai keperluan dengan memberi arahan tentang tugasan yang perlu dilaksanakan dan hal ini berkaitan seperti tarikh penghantaran tugas, keperluan penulisan dan ketertiban ketika melakukan tugas penulisan.

Pengembangan idea membolehkan pelajar dan melahirkan pelajar yang boleh menyatakan pendapat dan memberikan idea yang berkaitan. Pencungkilan idea akan dilakukan dengan memberikan soalan kepada pelajar bagi membolehkan pelajar memperbaiki idea dan merangsang minda pemikiran pelajar. Pencungkilan idea dilaksanakan untuk merangsang pelajar agar mempunyai peluang berfikir tentang sesuatu topik yang dipelajari dan seterusnya menghasilkan idea dalam fikiran melalui reaksi pelajar. Langkah ini dilakukan apabila pelajar selesai menerangkan pemahaman mereka tentang kandungan pengajaran. Pensyarah akan melakukan penggiliran agar kelancaran proses berinteraksi lisan dan proses pengajaran secara menyeluruh terjamin. Pensyarah juga dapat mengawal pelaksanaan interaksi seperti kebisingan dengan mengawal kelas, dan masa engajaran dapat

dijimatkan. Kebiasaanya pensyarah akan menggalakkan penggiliran secara sukarela atau memanggil nama pelajar. Dalam keadaan ini, pensyarah akan menentukan penggiliran sama ada siapa yang diingini untuk menjawab dan melibatkan diri.

Walau bagaimanapun, penggulangan membawa fungsi agar pelajar memperoleh maklumat tertentu yang di anggap penting. Pengulangan tidak dilakukan untuk membantu proses berfikir dalam proses interaksi lisan yang berlaku agar pelajar lebih jelas tentang sesuatu yang dibincangkan. Dalam hal ini, penggulangan mempunyai fungsi lain dan penggulangan untuk memudahkan pemahaman melalui penggunaan bahasa. Lazimnya, teknik perbincangan menjadi pembelajaran secara aktif (Sabri Ahmad 2003). Perbincangan perlu dilaksanakan berasaskan hasil perbincangan secara berkumpulan atau berpasangan. Di samping itu, melalui topik perbincangan juga pensyarah akan membetulkan isi pengajaran yang diberikan agar sesuai dengan kehendak objektif pengajaran dan menjadi bahan untuk pensyarah menilai kefahaman pelajar. Penilaian berkait dengan nilai apabila seseorang guru membuat penilaian dalam satu proses untuk mendapatkan maklumat dan guru membantu membuat pertimbangan ke atas sesuatu situasi (Shamsina Shamsuddin (2012). Reaksi lisan yang diberikan pelajar berdasarkan soalan yang dikemukakan memerlukan penilaian. Interaksi lisan penilaian merupakan respon pensyarah terhadap reaksi lisan yang diberikan pelajar sama ada tepat, hampir tepat atau tidak tepat. Reaksi lisan pelajar yang menunjukkan pemahaman pelajar.(Roselan 2003). Beliau turut menyatakan bahawa interaksi lisan penilaian dilakukan lebih penegasan atau penggulangan untuk memastikan semua pelajar memperoleh maklumat tersebut. Penilaian ini juga dilakukan sedikit penerangan selepas menilai pegukuhan. Penilaian dan pegukuhan ini bagi memastikan semua pelajar memperoleh maklumat tepat..

Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003)

Kajian ini menggunakan Model Etnografi Komunikasi Saville-Troike (2003) sebagai teori teras perbincangan. Hal ini demikian kerana teori ini didapati sesuai untuk membincangkan aspek interaksi lisan remaja sama ada secara formal mahupun tidak formal. Menurut Saville-Troike (2003) sesuatu proses komunikasi melibatkan sebelas komponen yang telah dikenal pasti. Komponen-komponen tersebut termasuklah genre, topik atau fokus rujukan, tujuan interaksi, latar iaitu lokasi, ragam, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej, urutan lakuan, peraturan interaksi, dan norma-norma interpretasi.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Pendekatan kajian kualitatif ini lebih menekankan konteks sosial yang mengkaji aspek pendapat, pengalaman, dan pemahaman pengkaji dengan peserta kajian secara mendalam. Kajian kualitatif dikaji secara terperinci ke atas satu unit sosial seperti individu, kelas, institusi pengajaran, peristiwa, program dan aktiviti dalam satu tempoh masa (Akhiar Pardi, Samsina Shamsuddin 2010). Pengkaji menggunakan pendekatan kajian kes ini dengan memfokuskan kepada satu kes sahaja (single case). Pengkaji memilih kajian kes iaitu satu kes pelbagai tempat amat sesuai dijalankan terhadap 4 orang pensyarah Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana penyelidik ingin mendapatkan seberapa banyak maklumat yang penting ketika menemu bual untuk mengumpul maklumat. Oleh hal yang demikian, pengumpulan data ini memberikan gambaran terhadap pelaksanaan interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah di IPG. Kajian ini menggunakan 4 orang peserta kajian. Pemilihan 4 orang peserta kajian adalah memadai memandangkan kajian terdahulu melibatkan 2 orang peserta di 2 lokasi kajian yang berlainan. Hal ini kerana, penglibatan seramai 4 orang peserta kajian ini bukan hanya pakar tentang aspek yang ingin diselidik oleh penyelidik malahan mereka juga merupakan pensyarah dalam bidang dan mengajar kursus bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Guru. Pengkaji turut menggunakan nama singkatan (PK) sebagai koding temu bual dalam melaporkan analisis dapatan kajian.

Kajian ini menggunakan persempelan bertujuan (*Purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu di pilih sebagai responden kajian (Chua Yan Piaw 2005). Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan

berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan kajian. Pesampelan kajian ini dikenal pasti melalui kriteria yang berikut

1. Pensyarah bahasa Melayu di Jabatan Pengajian Melayu.
2. Pensyarah Institut Pendidikan Guru di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.
3. Pensyarah mengajar subjek Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.
4. Pensyarah ini mempunyai pengalaman mengajar dari sekolah hingga ke IPG.

Temu bual kajian ini dijalankan kepada 4 orang responden kajian dengan menggunakan protokol temu bual dan merakam audio untuk mendapatkan maklumat kajian. Dapatkan temu bual ini diterjemahkan dalam bentuk dokumen transkripsi. Pengkaji membuat analisis data kajian melalui penganalisaan data kajian iaitu dengan bantuan perisian Nvivo-12. Data kajian ini juga dibuat dengan pengekodan data kajian dan menentukan tema serta interpretasi analisis kajian.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan objektif 1 kajian ini, pengkaji menghuraikan amalan interaksi lisan yang boleh dilaksanakan oleh seorang pendidik. Pengkaji telah menemui bual informan seramai empat orang yang turut melaksanakan pengajaran bahasa Melayu dengan teknik interaksi lisan dalam pengajaran. Melalui dapatkan kajian ini, pendekatan pengajaran dalam amalan interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah dianalisis seperti berikut:

Pendekatan Pengajaran												
Peserta Kajian	Komunikatif	Tematik	Deduktif/ Induktif	Oral-Aural	Penerangan / kuliah	Perbincangan	Didik Hibur	Berpusat Guru	Berpusat Murid	Berpusat Bahan	Berpusat aktiviti	
PK1	√	√	√	√	√	√		√	√	√	√	√
PK2	√	√			√	√		√	√			
PK3		√			√	√	√	√	√	√	√	√
PK4		√			√	√	√	√	√			

Jadual 1: Pendekatan Pengajaran.

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan pendekatan pengajaran pensyarah Bahasa Melayu di IPG yang telah dijalankan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa PK 1 dan PK2 menggunakan pendekatan komunikatif dalam pengajaran. Begitu juga dengan pendekatan tematik menunjukkan bahawa PK1, PK2, PK3 dan PK4 menggunakan pendekatan tematik dalam pendekatan pengajaran. Hal ini dikenal pasti, pensyarah menggunakan Rancangan Mengajar Kursus (RMK) sebagai panduan tema mingguan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, PK1 juga menggunakan pendekatan deduktif dan oral-aural sebagai pendekatan pengajaran kursus. Dapatkan kajian juga mendapati bahawa keempat-empat peserta kajian menggunakan kaedah pererangan/kuliah dan perbincangan. Kaedah ini amat dominan digunakan oleh semua pensyarah di peringkat pengajian tinggi. Kaedah didik hibur pula PK3 dan PK4 memberi pendapat bahawa kaedah ini sering kali dilaksanakan agar pelajar mempunyai minat terhadap pembelajaran dan memberi implikasi yang baik kepada kursus pengajaran. Di samping itu, pendekatan pengajaran merangkumi strategi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Keempat-empat peserta kajian berpendapat bahawa strategi berpusatkan guru dan berpusatkan murid adalah strategi yang dominan yang dilaksanakan untuk mendapat respon pelajar melalui interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah di IPG. Menurut PK1 dan PK3 berpendapat bahawa mereka

banyak juga menggunakan strategi berpusatkan bahan dan aktiviti sebagai proses interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan objektif 2 dalam kertas kerja ini, terdapat sembilan teknik interaksi lisan yang disenaraikan oleh Roselan Baki (2003) dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknik interaksi lisan yang sering dilaksanakan oleh pensyarah Bahasa Melayu di IPG adalah seperti berikut:

i. Interaksi Penyoalan

Penyoalan sering kali dilakukan tidak mengira waktu sama ada ketika peringkat awal, pertengahan atau peringkat akhir. Pandangan PK1 seperti berikut;

PK1

Ya, sebab soal jawab ini memang satu teknik. Di IPG pun ada sesi soal jawab. Jika kita berinteraksi boleh menjawab pengalaman, boleh melalui peringkat awal atau pengukuhan atau jika pertengahan, semasa peperiksaan atau soal jawab semasa pelajar ini sambil menulis atau mendengar penerangan.

(TB, PK1)

PK2

- i. *Ya, mesti ada, kita boleh nampak dia boleh menjawab atau tidak dengan objektif pengajaran, macam semasa masuk tadi pun macam tu, saya akan tanya ke mana tadi. Jadi soal jawab ini berlaku sentiasa sebelum, semasa dan selepas pengajaran.*
(TB, PK2)
- ii. *Sebab saya tak nak mereka ini mengantuk, satu tak nak mereka ini tidak faham. Jika kita terang pun tak de makna juga. Sebab budak ini dari faham jadi tak faham. Kita mudah serkap jarang.*
(TB PK2)

PK3

Ok, bagi saya bertanya soalan, paling mudah saya akan bertanya soalan, tentang sesuatu perkara, saya mengerutkan dahi, saya akan dengar apa yang mereka jawab dan menjawab pandangan mereka, mereka beri jawapan logik, tak ada betul salah, mungkin saya mulakan dengan soalan kbat, sebelum itu, tengok situasi, aktiviti perbincangan, ada senario, beri teka teki dan cerita yang positif sahaja. Biasanya kuliah 1 jam amali 1 jam semasa kuliah pun ada soal jawab, kalau kita baca slide sahaja, mereka bosan. Jadi saya akan tanya soal mereka. Mungkin perkara ini diluar, pengalaman mereka, kenal pasti dan kaitkan dengan pengajaran yang berlangsung.

(TB, PK3)

PK4

- i. *Selalu... ada buat, penyoalan itu kadang-kadang bukan sahaja jawapan, sebab kita nak minta mereka berfikir, kadang-kadang kita nak kepastian nak tengok mereka perihatin atau tidak.*
(TB, PK4)
- ii. *Ya tanya terus, nampak cam mengantuk tu, kalau terkulat-kulat ar ar tu tak faham la tu, sengeh-sengeh, sama ada mereka ini khayal mana-mana, tapi mereka ini pelajar dewasa, penilaian spontan tak ada markah, saya mintalah mereka jawab isu, msalah, penilaian jua tu supaya mereka yakin. Selalunya semasa ada, selepas penerangan ada, kadang-kadang sebelum tu kita tanya dulu .*
(TB PK4)

PK3 memberi pandangan bahawa, beliau akan memberi senario atau situasi agar pelajar dapat berfikir di samping ada soal jawab berkaitan dengan topik pengajaran. Seterusnya, PK4 pula menyatakan bahawa, soal jawab penting bagi memastikan pelajar meberi perhatian dalam kuliah. Hal ini demikian kerana, apabila pelajar tidak memberi perhatian, pensyarah dapat mengenal pasti dengan eksperasi wajah pelajar sama ada dengan adanya soalan spontan dengan penilaian. Pengajaran pensyarah akan lebih menarik dan pelajar akan aktif apabila topik pengajaran dapat difahami sepenuhnya dan meningkatkan motivasi pelajar dalam kuliah.

ii. Interaksi Kawalan

Interaksi kawalan digunakan sebagai perkara penting untuk pensyarah mengawal emosi pelajar dan tingkah laku dalam pengajaran dan pembelajaran antaranya;

PK1

...kita boleh kawalan kelas melalui soalan. Itu paling penting. Sebagai pendidik, salah satu penyoalan biarlah bermakna, sebab kita mengawal pembentukan ilmu hari ini. Bila saya menyoal, sepatutnya saya perlu tahu apa itu proses atau pembentukan kata.

(TB, PK1)

PK2

Saya biasanya spontan. Jika mereka ini saya dah nampak cam terpesong, saya cepat-cepat tarik balik. Terang sampai mereka faham lah. Kalau tak faham juga itu masalah pelajar sama ada dia tak dengar dari awal. Tak mungkin mereka sini tak faham.

(TB, PK2)

PK3

Mereka ini lebih relex. Kita guna bahasa lembut, mereka cepat faham, saya terangkan sesuatu contoh mereka tak boleh lewat, tak boleh guna hp, penampilan diri semasa kuliah perlu rapi dalam kuliah kena tahu, saya ulang balik. Jadi kawalan dalam kelas pun mereka tiada masalah. Saya kawal dengan masa. Mungkin laksanakan pembentangan kawal mereka 20 minit sahaja bentang.

(TB, PK3)

PK4

Mereka ini bila dah besar tak ada nak mengawal sangat, tak ada marah-marah, keluar masuk. Macam nak ke tandas Cuma saya ingatkan masuk sebelum kuliah tamat.

(TB, PK4)

Menurut PK1, pensyarah mengawal kelas dengan mengajukan soalan. Hal ini ditegaskan sebagai perkara penting untuk mengawal proses pembentukan ilmu. Menurut PK2 pula, dapatan kajian menunjukkan pensyarah akan mengawal dari penerimaan ilmu supaya tidak terpesong dan membantu kefahaman ilmu kepada pelajar. Maka, interaksi kawalan dilaksanakan dengan proses pembentukan ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan PK3 pula memberi pendapat bahawa interaksi kawalan dilakukan dengan mengawal perlakuan pelajar, disiplin dan mematuhi masa. Manakala PK4 pula menerangkan mereka ini tidak perlu dipaksa. Pengajaran dan pembelajaran bakal guru di IPG ini perlu dikawal dari mematuhi masa, perilaku dan sikap agar disiplin yang diterapkan menjadi amalan setiap masa para pelajar. Oleh itu, peranan pensyarah penting dalam berinteraksi kawalan agar dapat mempengaruhi potensi pelajar. Hal ini demikian kerana, pensyarah menjadi pembimbing utama pelajar dan kerap berinteraksi dengan pelajar di dalam kuliah atau di luar waktu pembelajaran.

iii. Interaksi Arahan

Interaksi arahan paling kerap digunakan oleh para pendidik. Dalam konteks kajian ini, pensyarah akan menggunakan interaksi arahan untuk menggerakkan pelajar dan memberi tugas kepada pelajar. Interaksi arahan berkaitan dengan mematuhi tarikh akhir mengahantar tugas, keperluan pengajaran dan pembelajaran dan memenuhi kriteria bahan atau bentuk tugas yang perlu disampaikan oleh pelajar terutamanya dalam tugas kursus atau pembentangan.

PK1

Arahan saya mesti jelas. Maksudnya kita berikan arahan yang jelas bukan secara langsung mungkin soalan kita atau interaksi kita, kita beri arahan contoh saya katakan, fikirkan maknanya, takrifkan, terangkan, bagaimana proses. Itu arahan

(TB, PK1)

PK2

Proses arahan itu selalu. Bila toturial kita akan ambil dan bagi tugas. Tapi bukan juga arahan sebab mereka ini budak sem 1. Mereka ini agak leka. Saya selalu ingatkan mereka. Saya rasa bukan beri arahan jadi saya bersyarah pula. Macam minggu lepas, tarikh hantar tugas, tapi 100% pelajar tak siap tugasan

(TB,PK2)

PK3

Ok, interaksi arahan ini saya bercakap dan berkomunikasi dengan mereka dengan bahasa sopan buat mereka macam anak-anak kita. Sebab tu timbul kasih sayang. Saya tak marah mereka. Marah pelajar ini ada persepsi tak elok dengan pensyarah nanti

(TB,PK3)

PK4

Ada juga saya panggil suruh kutip sampah, padam papan di dihadapan, jangan bising, mereka bising tapi kita kawal dengan arahan. Mereka semua dah besar. Kalau bising pun kita laranglah. Takut mengganggu kuliah sebelah

(TB,PK4)

Keseluruhannya, pensyarah menggunakan interaksi arahan dengan nada tegasan bagi mengawal pelajar melaksanakan sesetua bagi mematuhi arahan yang diberikan. Manakala, interaksi arahan juga dapat digunakan untuk mengeratkan lagi hubungan antara pensyarah dan pelajar. Hal ini boleh menimbulkan rasa kasih sayang antara pensyarah dan pelajar.

iv. Penggiliran

Selain itu, interaksi penggiliran dilakukan agar kelancaran proses interaksi lisan dan proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Proses penggiliran dilakukan dengan membuat pusingan urutan meja agar pelajar sentiasa memberi perhatian terhadap pembelajaran hari tersebut.

PK1

Itu pasti... Ok penggiliran memang pensyarah ada buat, macam saya panggil nama, buat 2 kali pusingan setiap topik awal atau akhir pengajaran. Bila mereka ini terkejut dalam kelaskan, saya akan tengok siapa yang pasif ketika itu. Pelajar cina ada yang pendiam dan tak suka bercakap. Kita panggilan nama dia supaya dia tahun kita prihatin.

(TB, PK1)

PK2

Bukan selalulah sebab kita pelbagaikan pembelajaran. Kita berperanan sebagai fasilitator, kita akan lihat apa yang dia boleh buat, ada masa juga. Saya minta duduk depan, nak tahu mereka ini berbincang ke tidak. Saya tak nak mereka bercakap, saya nak mereka berkomunikasi semasa belajar sahaja. Jadi kat situ, saya tak nampak.

(TB, PK2)

PK3

Dalam pengajaran, kita tengok pdp kita hari tu, jika kita tanya soalan mereka bergilir-gilir jawab. Saya tak suka panggil nama, saya tahu mereka pemalu. Ada juga interaksi pengajaran, saya berikan ruang dan peluang untuk pelajar bercakap, saya beri berhujah, mereka faham, bergilir-gilir dengan saya berinteraksi soal jawab, semasa kuliah mereka ceritakan

pengalaman, bukan input semata-mata bukan fakta sahaja. Saya minta mereka fikirkan dan beri jawapan secara penggiliran antara kumpulan

(TB,PK3)

PK4

Sentiasa buat tu, kalau tak buat senang la, masuk kuliah keluar minggu depan topik lain, kalau saya buat giliran , jawab apa mereka faham, apa rumusan topik, mesti ada. Ya Penggiliran ini mesti buat bagi mereka faham.

(TB,PK4)

Dapatan kajian PK1 aktiviti dalam kuliah biasanya beliau akan memuat penggiliran dan memastikan topik itu difahami. Dari bahasa tubuh pelajar menunjukkan pemahaman pelajar terhadap topik pembelajaran. PK2 menjelaskan bahawa pensyarah sebagai fasilitator di dalam kuliah. Beliau berpendapat beliau akan menentukan kedudukan tempat duduk pelajar agar mereka berinteraksi lisan dengan rakannya dalam waktu pembelajaran sahaja. Oleh itu, interaksi lisan dalam pembelajaran perlu berlaku dengan adanya penggiliran. PK2 menggunakan cara dan kaedah menentukan kedudukan pelajar agar mereka tidak terbatas dalam berkongsi pendapat.

Dapatan kajian menunjukkan PK3 dan PK4 mempunyai keselarian dapatan dalam berinteraksi lisan penggiliran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah akan memberi ruang dan peluang untuk pelajar berinteraksi. Contohnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, PK3 memberi pelajar berceritakan pengalaman mereka secara bergilir-gilir dan memberi jawapan secara penggiliran antara kumpulan. Manakala PK4 pula menjelaskan bahawa beliau selalu membuat penggiliran untuk mengingati topik pembelajaran lalu, merumuskan rumusan topik dan berosoal jawab.

v. Pengembangan Idea

Selain itu, pengembangan idea dilakukan untuk membolehkan pelajar berfikiran jauh dan melahirkan pelajar yang berani mengemukakan pendapat. Menurut PK1 menyatakan bahawa;

PK1

Pengembangan idea ini kita cungkil apa lagi mereka tahu, saya bagi isu, senario, mereka kemukakan apa yang mereka tahu, cara nak tahu mereka banyak idea, kalau bercakap banyak ada fakta, isi dalam perbincangan, maknanya membaca dan dengar. Ada ini dengar apa saya beritahu. Sesuai dengan lisan, mengcungkil dengan soalan-soalan. Jadi soalan itu hasrat untuk mengcungkil atau mereka tidak dapat menjawab atau berikan kepada rakan-rakan, mencungkil pengetahuan, akhirnya mereka dapat gilirkan bantu pandangan dan akhirnya lengkaplah ilmu.

(TB PK1)

PK2

Tanya mereka berulang kali, beri mereka pujian, sokongan mereka macam tadikan bagus.... kemudian saya jawab saya tak setuju... walaupun saya tahu dia ada idea, tapi dia ni pemalu. Bila kita provok, baru cakap kalau tak dia tak cakap.

(TB PK2)

PK3

... saya buat teknik simulasi dalam pembelajaran mereka, saya beri masalah atau isu, saya minta mereka fikirkan dan beri jawapan.

(TB PK3)

PK4

Daripada soalan dan arahan kita tanya, kadang-kadang saya beri arahan, suruh mereka fikir. Macam contoh inti dan keterangan. Mereka berfikir nak cari idea jawapan dan beri tugas tengok mereka dapat jawab tak sebenarnya atau faham ke tak? Kalau salah bermaknanya tak faham lah ti dari awal

(TB,PK4)

Secara keseluruhan dapatkan menunjukkan bahawa, PK1 dan PK3 akan memberi isu masalah kepada pelajar agar memberi peluang untuk pelajar berfikir. Melalui tugasan ini, membolehkan pelajar menjawab lisan dan pensyarah boleh mencungkil idea pelajar dengan memberi soalan-soalan kepada pelajar. Hal ini demikian kerana, pengcungkilan dan pengembangan idea dapat meningkatkan pengetahuan antara pelajar-pelajar yang lain.

Sehubungan itu, PK2 dan PK4 pula menjelaskan bahawa, perlunya ada cara provok atau desakan kepada pelajar agar mereka boleh menjawab soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana, desakan yang dilakukan juga dapat mengelakkan perasan malu pelajar. Di samping itu, pengcungkilan idea ini sebagai langkah unuk menerangkan dan menyelesaikan sesuatu masalah dalam pembelajaran. Menurut PK4, pengembangan idea yang dilakukan sebagai langkah untuk pelajar menghasilkan idea dan merumuskan pemahaman pelajar.

vi. *Interaksi Penggulangan*

Interaksi penggulangan merupakan salah satu proses pelaksanaan lisan pengajaran. Penggulangan membawa fungsi agar pelajar memperoleh maklumat penting. Menurut PK1 menerangkan bahawa;

PK1

Itu mesti .. untuk pengukuhan. Itu satu kaedah latih tubi yang menggunakan eksperimen dalam islam juga mereka juga ulang-ulang belajar menyebut sama dengan pertanyaan kaitkan dengan fakta-fakta.

(PK1)

PK2

i. *Sentiasa... kena la, mereka ini sangat cepat lupa, pencapaian pun berbeza, lebih – lebih lagi tajuk ini tajuk tugsan*

(TB PK2)

ii. *Sekali je, mula-mula saya beritahu apa objektif kita, dan tajuk kita akhirnya kita belajar, saya tak sentiasa sebab saya rasa pelajar akan bosan.*

(TB PK2)

PK3

Ada saya buat, objektif rancangan hari ini apa, saya ikut kepada topik. Saya akan ikut balik RMK. Apa topik saya akan ulang lagi bila dah faham. Saya akan ulang semula topik lepas, supaya mereka ini tak lupa contoh belajar kesantunan dalam sapaan. Saya ulang semasa dalam topik baru, supaya mereka ingat apa yang belajar sebelum ini. Saya minta pelajar ulang semula perkara atau pengajaran yang belajar hari ini. Mereka ini akan dinilai dalam exam.

(TB,PK3)

PK4

Mereka ini selalu kena ulang-ulang, supaya mereka ini faham mengajar apa. Macam saya mengajar linguistik terapan, macam kata majmuk ada lagi tak ingat, ulang lagi, kata inti apa, penerangan apa.

(TB, PK4)

PK1 menjelaskan bahawa tuntutan agama Islam juga sering menyebut perlu mengulang ilmu agar sentiasa menjadi sebutan. Hal ini demikian kerana, penggulangan penting apabila berkaitan dengan fakta-fakta dalam sebuah pengajaran. Manakala PK2 menjelaskan bahawa perlu sentiasa diulang agar pelajar tidak cepat lupa akan pembelajaran yang lalu terutamanya berkaitan dengan tugasan.

Interaksi pengulangan amat penting dalam proses pengajaran. Menurut PK3, pensyarah perlu merancang objektif pengajaran. PK3 akan mengikuti semula RMK dan akan ulang sehingga pelajar faham terhadap topik pembelajaran tersebut sebelum masuk tapik baru. Menurut PK4 pula, pensyarah

perlu mengulang agar apa yang dipelajari faham tentang rumus tatabahasa. Hal ini demikian kerana, mereka ini akan dinilai dalam peperiksaan nanti.

PERBINCANGAN

Interaksi lisan yang dilaksanakan oleh pensyarah bahasa Melayu di IPG menunjukkan kepelbagaiannya interaksi untuk meningkatkan minat, potensi dan mencungkil bakat pelajar. Penggunaan interaksi lisan antara pensyarah dan pelajar sering kali berlaku dalam amalan pengajaran bagi menjelaskan tugas dan tempoh penyerahan tugas. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa itu, interaksi lisan penerangan menjadi perkara penting dalam menerangkan konsep, fakta dan isi kandungan pengajaran. Hal ini demikian kerana, interaksi penerangan amat membantu pelajar memahami topik pengajaran berdasarkan pensyarah akan menggunakan pendekatan pengajaran terutama pendekatan tematik. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa pendapat Ghazali lateh (2014) tentang interaksi lisan terhasil melalui ujuran dan perhubungan antara masyarakat. Hal ini sesuai dengan kajian yang melihat proses interaksi lisan dalam bilik kuliah. Dalam kajian Ghazali Lateh (2014) beliau menyatakan bahawa berinteraksi tanpa terbatas dengan penggunaan bahan bantu mengajar. Pensyarah yang berusaha untuk menambah baik bentuk pengajaran akan menghasilkan pencapaian yang maksimum. Oleh yang demikian, pelaksanaan pensyarah IPG terhadap interaksi lisan dalam proses PDP. Hal ini membuktikan kefahaman interaksi lisan dalam kalangan pensyarah IPG tergambar dalam pelbagai bentuk interaksi lisan yang dilaksanakan dalam pengajaran.

Kajian ini mendapati sembilan teknik interaksi lisan seperti yang dikemukakan oleh (Roselan Baki 2003). Namun yang demikian teknik interaksi lisan yang paling dominan di IPG ialah interaksi penerangan dan interaksi penyoalan. Hal ini kerana di peringkat IPG bakal guru memang didedahkan dengan teknik pengajaran yang berupa penerangan dan soal jawa\b lebih diutamakan. Interaksi penerangan bertujuan untuk menyampaikan ilmu dan maklumat manakala interaksi penyoalan bertujuan untuk mengukur pemahaman, pengukuhan dan penilaian kepada pelajar. Kajian Zamri Mahmood & Nor Razah Lim (2011), mengkaji kaedah penyoalan lisan yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu. Beliau mengkaji kekerapan interaksi penyoalan dalam sesi PdP. Dapatkan kajian mereka menunjukkan wujud hubungan di antara tempoh pengalaman mengajar guru dalam penggunaan penyoalan di dalam bilik darjah. Implikasi kajian ini menunjukkan penyoalan yang menggunakan soalan aras tinggi kurang digunakan dalam pengajaran. Dapatkan kajian mereka juga merumuskan guru-guru kerap menggunakan interaksi penyoalan, mengaplikasikan kemahiran penyoalan dan aras soalan.

Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menegaskan antara sifat-sifat pendidik yang berkesan perlu mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menguasai kemahiran menghubungkan pengetahuan, dan nilai dalam pengajarannya. Kemahiran mengajar meliputi aspek penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan ilmu pengetahuan yang disampaikan berkesan. Selain itu, analisis kajian yang dijalankan menunjukkan pensyarah membudayakan keakraban hubungan antara pensyarah dan pelajar. Hal ini demikian kerana, nilai sesebuah pendidikan itu terhasil daripada hubungan mesra bagi merapatkan jurang perbezaan. Dapatkan kajian ini juga, mendidik pelajar dengan menyapa, memberi salam, senyum dan sentiasa bersikap positif menjadi nilai tambah dalam amalan pengajaran. Selain itu, budaya pembelajaran yang selesa dapat meningkatkan keaktifan berinteraksi lisan dan menghasilkan pembelajaran yang produktif

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, interaksi lisan dalam pengajaran bahasa Melayu ini mempunyai pelbagai teknik Interaksi lisan pensyarah menunjukkan pemahaman pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik interaksi lisan menjadi satu medium pengajaran yang penting bagi menarik minat pelajar dan memperoleh maklumat yang tepat. Lazimnya pensyarah akan menggunakan teknik interaksi lisan soal jawab dengan membuat perbincangan, penggulangan, pengulangan dan penilaian. Maka, pengajaran bahasa Melayu lebih menarik dengan kreativiti teknik lisan pensyarah dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir pembelajaran. Kertas kerja ini melihat pandangan secara

menyeluruh terhadap teknik interaksi lisan yang digunakan untuk penyampaian ilmu, menambahbaik amalan dan memantapkan kemahiran. Interaksi lisan bukan sekadar satu kemahiran dan ilmu yang masih baharu di IPG malah boleh dikaitkan dengan pengajaran dalam kuliah.

RUJUKAN

- Akbari, R. (2007). *Reflections on reflection: A critical appraisal of reflective practices in L2 teacher education.* System, 35(2), 192–207.
- Abdullah. K.M et.al (2014). Komunikasi Guru dalam Bilik Darjah dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah, *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal Education Thinkers)*, Vol 5, pp59-77, ISSN 1985-3637.
- Ahmad. S (2003), *Kemahiran Belajar Berkesan*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad. S.N, Amzah & Aman. C.R (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jil. 24, 125-142, 2009
- Anderman. M.E & Anderman H.L (2010), *Classroom Motivation*.Upper Saddle.River. New Jersey. Pearson Education. Inc.
- Arshad. M (2008), *Pendidikan lestari Bahasa Melayu:Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Baki. R (2003), *Pengajaran Dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu: Senario, Teori Dan Panduan Untuk Guru Dan Pelajar*. Selangor. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Baki. R & Othman.Y (2007), Interaksi lisan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: potensi yang terabai, *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* (Volume15, No 2, 2007)
- Embi. M. A & Zamri.M (2010). *Gaya Dan Strategi Pembelajaran Bahasa Di Dalam Kepelbagaiannya Pelajar*. dalam Juriah Long (penyunting) (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (pp.57.83). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Embi, M. A. & Adun, M. N. (2010). *e-Pembelajaran di IPTA Malaysia*. Pusat Pembangunan Akademik UKM dan Jabatan Pengajian Tinggi, KPTM.
- Jamian. A. R & Othman S (2013) Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013): 42-51
- Hashim.S, Razali.M & Jantan.R (2003), *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Hamid Z (2012), *Keupayaan Berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia*. E-Bangi 7 (1), 224-234
- Lateh G & Othman S (2014), Tinjauan Interaksi Lisan Bahasa Melayu dalam kalangan remaja dari sudut Etnografi Komunikasi, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPN)*, ISSN:2180-4882, Vol4: Bil 1 (Mei 2014)
- Jack C. Richards, Richard W. Schmidt (2014), Languange and Communication, Rodledge Book Logman, 711, New York, ISBN:13-978-0-582-55084-6
- Lambri, A., & Mahamod, Z. (2015). Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 98 - 117.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1160>.
- Long.Juriah (2010) *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jusoh. Z (2018), *Pendekatan Naratif dalam Kemahiran Mengarang*, Penerbit Universiti Putra Malaysia. Serdang Selangor

Mahamod, Z., & Nor.R. (2016). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.

Mohammad. S, Jasmi A.K (2011) *Penyeliaan Guru dalam Pengajaran & Pembelajaran, Edisi ke -1*, Penerbit UTM Press, Universtiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

Osman, J., Bebe Mohamad, J., Ahmad, A. N., & Razali, J. R. (2018). Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 61 - 79.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.6.2018>

Osman, Z. (2015). Kemampuan Model Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kemahiran Berfikir melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi Meningkatkan Tahap Motivasi dan Kemahiran Bahasa Pelajar. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 181 -213.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1164>

Pangat, M., & Abdul Wahid, P. R. (2016). Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (Srk(C)). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 123 - 141.

Rahman.M.M (2010). Teaching oral communication skills: A task based approach. *ESP World Issue*, 1 (27): 1-11. <http://www.esp.world.info> (29 April 2010).

Rahim.A.N & Rahim.A.N (2014), Strategi komunikasi lisan secara formal dalam kalangan pelajar kejuruteraan. *Jurnal Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 382-388

Radhiah.R (2012). Penyampaian Lisan dalam Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu Untuk Murid-Murid Tingkatan Empat, *Tesis Ijazah Kedoktoran*, Universiti Putra Malaysia.

Salim S.S, Jusoh Jazimin.A, Bistaman N.M et.al, (2011) Peranan Kecerdasan Emosi dan Faktor Ciri-ciri Pekerjaan ke Atas Kepuasan Bekerja Dalam Profesyon Perguruan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*.

Siti Hajar Abdul Aziz., (2009). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd